

24 FEB 2001

Zam-Usman

ZAINUDDIN MAIDIN DITUDUH BURUKKAN REPUTASI SASTERAWAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 24 Feb (Bernama) -- Naib presiden Parti Rakyat Malaysia, Rustam A. Sani menuduh Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin memburukkan reputasi Sasterawan Negara, Datuk Usman Awang (Tongkat Warant) dengan mempengaruhinya supaya menerima satu anugerah khas yang disampaikan oleh Perdana Menteri tidak lama dulu.

Dalam satu kenyataan kepada lidah rasmi Pas keluaran terbaru, Rustam berkata, ini dilakukan Zainuddin untuk mengatasi pengaruh Sasterawan Negara, Datuk Shahnon Ahmad yang menggegarkan dunia sastera dengan novel "Shit"nya.

"Bukankah Zam (Zainuddin) yang berusaha memujuk Usman menerima anugerah khas yang disampaikan oleh (Datuk Seri) Dr Mahathir Mohamad sebagai satu usaha untuk mengatasi pengaruh Shahnon.

"Akhirnya yang menjadi mangsa ialah reputasi Sasterawan Negara Usman sendiri termasuk dikalangan teman akrabnya," kata Rustam.

Beliau juga mendakwa reputasi wartawan negara Tan Sri A. Samad Ismail dan Datuk Mazlan Nordin turut menjadi mangsa dan hilang rasa hormat teman-teman kerana mereka melakukan tugas yang sama seperti yang dilakukan oleh Zam di New Straits Times dan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS).

Katanya, pelantikan Zainuddin sebagai Setiausaha Parlimen baru-baru ini untuk memudahkan beliau menjalankan tugas yang telah lama dilakukannya.

Rustam juga mendakwa Zainuddin bertanggungjawab terhadap beberapa rencana Utusan yang menghentamnya dan juga Timbalan Presiden Parti Keadilan Nasional, Dr Chandra Muzaffar, yang menurutnya disingkirkan dari Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya.

Beliau menyatakan tidak percaya bahawa penonton TV3 dan RTM telah meningkat, begitu juga penjualan akhbar utama.

Beliau meramalkan Zainuddin akan menghadapi kegagalan dalam tugasnya.

--BERNAMA

NZ ZB